

12 OCT 2002

Gaya-BN

MAJORITI HAMPIR TIGA KALI GANDA UNTUK BN DI GAYA

KOTA KINABALU, 12 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Parlimen Gaya dengan majoriti 11,923 undi, hampir tiga kali ganda berbanding pilihan raya umum 1999, pada pilihan raya kecil kawasan itu hari ini.

Calon BN Liew Teck Chan, 54, naib presiden Parti Maju Sabah (SAPP), mendapat 15,639 undi berbanding pencabar terdekat Hiew King Cheu dari DAP yang mendapat 3,716 undi.

Seorang lagi calon, Christina Liew, 50, dari Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mendapat 2,613 undi.

Keputusan diumumkan Pegawai Pengurus Pilihan raya Alijus Sipil pada pukul 9.15 malam.

Kemenangan Liew dengan mandat jauh lebih besar daripada pengundi, mengatasi majoriti 4,117 yang diperolehi BN pada pilihan raya umum 1999 itu, dicapai dalam keadaan peratusan mengundi yang jauh merosot iaitu 44.73 peratus berbanding 58.14 peratus pada 1999.

Dewan Maksak di Likas, dekat sini bergema dengan sorakan penuh semangat oleh penyokong BN sebaik Alijus membacakan keputusan berkenaan, yang disifatkan kalangan pemimpin parti komponen sebagai bukti BN mendapat sokongan kukuh rakyat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapannya sejeurus selepas pengumuman itu merakamkan penghargaan kepada pengundi di kawasan itu kerana memberi kemenangan cemerlang kepada BN.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pekerja parti yang bertungkus-lumus memastikan kejayaan BN.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa segala projek yang dicadangkan oleh (bekas anggota parlimen Gaya) Datuk Yong Teck Lee akan diteruskan oleh anggota parlimen Gaya yang baru," kata Abdullah.

Liew pula mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Abdullah serta pemimpin parti komponen BN atas kepercayaan yang diberikan untuk beliau menjadi calon di kawasan itu.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada pengundi yang menunjukkan keyakinan kepada BN.

"Terima kasih kerana mengundi BN...kemenangan kali ini adalah kemenangan rakyat di kawasan Gaya," katanya sambil diiringi tepukan gemuruh penyokong BN.

Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat turut menyatakan penghargaan kepada pengundi serta rakan-rakan dalam komponen BN termasuk pemimpin dari Semenanjung yang datang membantu kempen BN di kawasan itu.

"Terima kasih kepada semua, kepada kepimpinan Umno pusat, pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri...terima kasih kepada semua," kata Chong.

Kerusi parlimen Gaya yang mempunyai 49,427 pengundi menjadi kosong apabila Yong, Presiden SAPP, hilang kelayakan selepas didapati bersalah oleh mahkamah kerana melanggar peraturan pilihan raya menjelang pilihan raya umum 1999.

-- BERNAMA

NT JS RON